

Kongsi raya diteruskan

KUALALUMPUR 16 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, perayaan rumah terbuka kongsi raya akan diteruskan dan mahu isu itu tidak lagi dijadikan polemik yang berpanjangan.

Perdana Menteri malah berpehdapat, kongsi raya yang diadakan oleh Kerajaan Persekutuan lebih kepada pertemuan sosial untuk mengeratkan perpaduan kaum dan bukannya menjurus kepada aktiviti keagamaan.

"Tidak ada (perayaan kongsi raya) yang menimbulkan masalah besar kepada kaum berlainan yang turut hadir.

"Acara itu bukannya keagamaan. Ia jadi perayaan sosial yang diadakan tanpa ada adat istiadat agama masing-masing yang disaksikan oleh kaum lain," katanya.